

# Yayasan Angkasa bantu martabat pendidikan

Oleh SALEHUDIN MAT-RASAD  
pengarang@utusan.com.my

■ BENTONG 14 JULAI

**Y**AYASAN Angkasa menyediakan peruntukan sebanyak RM21 juta bagi tujuan pinjaman pendidikan kepada 1,050 pelajar bermula tahun 2000 hingga tahun depan.

Presiden Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa), Datuk Abdul Fattah Abdullah berkata, sebanyak RM1 juta setahun pembiayaan pinjaman pendidikan melibatkan 100 pelajar melanjutkan pengajian di institusi pengajian tinggi dalam negara.

Beliau berkata, tambahan peruntukan turut disediakan dalam bentuk zakat kepada pelajar yang layak terdiri dalam kalangan keluarga berpendapatan rendah.

"Persidangan Kebangsaan Tahunan Angkasa Ke-34 pada 29 Jun lepas meluluskan peruntukan tambahan sebanyak RM500,000 menjadi RM1.5 juta untuk sesi pengajian mulai 2020 yang memberi manfaat kepada 150 orang," katanya selepas majlis makan malam pelajar pembiayaan Pendidikan Angkasa 2019 di Serene Resort & Training Centre Janda Baik, di sini malam semalam.

Yang hadir sama Ahli Lembaga Pemegang Amanah Yayasan Angkasa, Datuk Mohamad Ali Hassan dan penceramah bebas, Datuk Badli Shah Alauddin.

Yayasan Angkasa merupakan anak syarikat Angkasa yang bertanggungjawab me-



**ABDUL FATTAH ABDULLAH** (tengah) bersama pelajar selepas majlis makan malam pelajar pembiayaan Pendidikan Angkasa 2019 di Serene Resort & Training Centre Janda Baik, Bentong, Pahang, kelmarin.

nyediakan kemudahan pembiayaan, boleh ubah kepada biasiswa bagi ahli koperasi dan anak-anak mereka melanjutkan pengajian di institusi pengajian tinggi dalam negara.

Menurut Abdul Fattah, pinjaman pendidikan itu melibatkan pembiayaan bagi melanjutkan pengajian sepenuh masa, separuh masa, pengajian jarak jauh (PJJ) sama ada di peringkat ijazah sarjana muda, sarjana dan doktor falsafah (PhD).

Beliau berkata, pembiayaan Yayasan Angkasa juga boleh ditawarkan kepada biasiswa sekiranya mereka memperoleh prestasi dan pencapaian cemerlang Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK) dalam peperiksaan akhir.

Tambah beliau, program

Yayasan Angkasa bertujuan merapatkan lagi hubungan pelajar dengan warga koperasi dan barisan pelapis bagi menyumbang ke arah pembangunan gerakan koperasi.

"Bagi memastikan budaya kecemerlangan dalam kalangan pelajar-pelajar, tiga program tahunan yang wajib dihadiri oleh mereka membabitkan tiga modul program motivasi, kaunseling dan kursus persediaan mendapatkan pekerjaan.

"Ini juga merupakan satu cara memberi motivasi agar pelajar sentiasa berada pada tahap tertinggi dan mencapai keputusan cemerlang sekaligus merebut peluang keemasan meningkatkan kualiti diri," katanya.